

30 SEP 2002

Abdullah-Jawatan

SYOR PENYANDANG JAWATAN KETUA DALAM UMNO TAK TANDINGI JAWATAN LAIN

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini mencadangkan supaya pemegang jawatan ketua mana-mana pergerakan atau peringkat dalam parti tidak bertanding untuk sebarang jawatan ketua di peringkat lain parti.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata seorang yang menjadi ketua bahagian Puteri Umno misalnya tidak perlu bertanding bagi merebut jawatan ketua bahagian Pergerakan Wanita Umno atau sebaliknya.

Begitu juga bagi seorang ketua Pemuda bahagian tidak seharusnya bertanding bagi jawatan ketua bahagian Umno, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT yang berlangsung kira-kira tiga jam di sini.

Timbalan Perdana Menteri berkata cadangan itu pada asalnya dikemukakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Umno yang dipengerusikan beliau dan MT telah meminta pengerusi Jawatankuasa Perlembagaan Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mengkaji dan memperhalusi cadangan itu.

Cadangan itu dibuat kerana MT berpendapat adalah lebih baik jika seseorang anggota yang telah memegang jawatan ketua bagi mana-mana pergerakan dan peringkat dalam Umno kekal di jawatan itu dan tidak bertanding untuk jawatan lain walaupun ada kekosongan, katanya.

"Ini difikirkan wajar sebab sebelum itu, orang yang hendak bertanding bagi jawatan asalnya itu tentulah telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat sokongan dengan menyatakan dia akan memberi khidmat sepenuhnya kepada pergerakan yang dia akan pimpin.

"Jadi dengan itu, lebih baiklah dia kekal dengan jawatan itu daripada cuba pula hendak bertanding untuk menjadi ketua pergerakan lain apabila ada sokongan," kata Abdullah.

Beliau menjelaskan bahawa cadangan itu tidak melibatkan pemilihan Puteri Umno November ini.

Ditanya mengenai ramai individu yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan Ketua Puteri, Abdullah berkata ini menandakan wujud demokrasi yang segar dalam Umno.

"Orang hendak bertanding, apa boleh buat. Terserah kepada bahagian-bahagian Puteri untuk menentukan," katanya.

Setakat ini bagaimanapun hanya Ketua Penaja Puteri Azalina Othman Said menerima pencalonan dari bahagian-bahagian Puteri yang mengadakan mesyuarat sementara empat lagi mereka yang menawarkan diri belum mendapat sebarang pencalonan.

Ditanya sama ada MT ada membincangkan keputusan kerajaan untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan, Abdullah berkata mesyuarat hari ini tidak membuat sebarang keputusan baru mengenai perkara itu.

"Kita tak buat keputusan hari ini sebab (Perdana Menteri dan Presiden Umno) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tak ada bersama...kerana dulu beliau berjanji akan turut hadir dalam mesyuarat untuk buat keputusan mengenainya," katanya.

Dr Mahathir tidak dapat mempengerusikan mesyuarat MT itu kerana pulang ke Kedah menziarahi jenazah abangnya, Mashahor, yang meninggal dunia di Sungai Petani pagi tadi.

-- BERNAMA

MAM AFY LES RON